



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**SIMPOSIUM HARMONI 2026
KEHARMONIAN KAUM DAN AGAMA**

26 JUN 2026 (JUMAAT)

4:10 PETANG

**BILIK TAKLIMAT, ARAS 2
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

SALUTASI

**(akan disediakan secara berasingan)*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia bagi Keharmonian Kaum dan Agama (KRPPM-KKA)** atas jemputan untuk saya bersama-sama dalam **Simposium Harmoni 2026** pada petang ini.
2. Inisiatif seperti ini amat signifikan kerana usaha memperkukuh perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat majmuk negara kita, memerlukan komitmen yang berterusan, merentasi perbezaan kaum, agama, dan fahaman politik.
3. Saya juga amat menghargai penglibatan aktif masyarakat sivil, ahli akademik, pemimpin komuniti serta Ahli-ahli Parlimen dalam platform seperti ini. Kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan amat penting dalam membentuk dasar dan pendekatan yang lebih inklusif.

HARMONI DALAM KEPELBEGAIAN

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

4. **Harmoni ialah keupayaan untuk hidup bersama secara aman, saling menghormati dan mempercayai walaupun berbeza dari segi identiti, kepercayaan, budaya, bahasa dan pandangan hidup.** Harmoni bukan sekadar nilai moral atau cita-cita sosial, tetapi asas kepada kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.
5. Sejarah dunia memberikan banyak pengajaran kepada kita. Kita menyaksikan bagaimana perpecahan etnik dan agama menyumbang kepada **keruntuhan Yugoslavia** pada tahun 1990-an kepada tujuh negara (Bosnia Herzegovina, Croatia, Macedonia, Montenegro, Serbia, Slovenia, and Kosovo). Kita melihat bagaimana kebencian yang tidak dibendung membawa kepada tragedi pembunuhan beramai-ramai (genocide etnik) di **Rwanda** pada tahun 1994. Kita juga menyaksikan konflik berpanjangan di **Sudan** yang berpunca daripada kegagalan mengurus kepelbagaian identiti dan agama.
6. Sudah tentu setiap negara mempunyai sejarah dan konteks yang tersendiri. **Namun pengajarannya jelas: apabila kepercayaan antara kelompok masyarakat runtuh, apabila**

prasangka mengatasi persefahaman, dan apabila perbezaan dieksploitasi untuk kepentingan tertentu, keamanan dan kestabilan sesebuah negara boleh terjejas dengan amat pantas.

7. Sesebuah negara tidak mampu mencapai kemajuan yang mampan jika rakyatnya hidup dalam keadaan saling curiga, berpecah-belah atau bermusuhan. Oleh itu, **apabila kita bercakap tentang harmoni, kita tidak boleh menegadkannya semata-mata kepada hubungan antara agama atau interfaith.** Dialog antara agama sememangnya penting. Namun harmoni jauh lebih luas daripada itu. Harmoni juga melibatkan interaksi dan hubungan erat antara kaum, antara wilayah, antara generasi, antara kelas sosial, malah antara mereka yang mempunyai pandangan politik yang berbeza.
8. Berteraskan realiti Malaysia sebagai sebuah negara majmuk, saya telah memperkenalkan tema **“Harmoni Dalam Kepelbagaian”** pada tahun lalu dengan menggerakkan Inisiatif Harmoni MADANI sebagai inisiatif utama Kementerian Perpaduan Negara. Tema ini berpaksikan falsafah **“unity without uniformity”** atau **kesatuan tanpa keseragaman**, yang mengiktiraf bahawa perpaduan tidak menuntut semua rakyat

menjadi sama. Sebaliknya, perpaduan yang kukuh lahir apabila masyarakat yang berbeza agama, budaya, bahasa dan latar belakang dapat hidup bersama dalam suasana saling menghormati, mempercayai dan bekerjasama, sambil mengekalkan keunikan masing-masing.

9. Malaysia sememangnya kaya dengan kepelbagaian kaum, agama, budaya dan bahasa. Kepelbagaian ini menjadi kekuatan negara yang perlu dipelihara melalui **amalan empat nilai integrasi nasional** iaitu **Faham, Hormat, Terima dan Meraikan** kepelbagaian dalam kehidupan seharian.
10. **Kepelbagaian merupakan kekuatan yang membentuk identiti dan jati diri Malaysia.** Ia bukan ancaman kepada perpaduan, sebaliknya aset strategik yang memperkayakan negara. **Ancaman sebenar datang daripada prasangka, sikap ekstrem, ketidakpercayaan serta kegagalan mengurus perbezaan secara matang dan berhemah.** Apabila kepelbagaian diurus dengan bijaksana, ia menjadi sumber kekuatan yang memperkukuh perpaduan, dan daya tahan negara, sekali gus menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih harmoni, dan sejahtera.

SIMPOSIUM HARMONI 2026

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

11. Saya dimaklumkan bahawa forum pada hari ini telah membincangkan **3 topik utama** yang amat penting bagi perpaduan negara iaitu :

- I. Cabaran kebebasan bersuara**
- II. Cabaran algoritma dan polarisasi**
- III. Masa depan perpaduan Malaysia**

12. **Cabaran pertama ialah memastikan kebebasan bersuara diamalkan secara bertanggungjawab.** Dalam sebuah negara demokrasi, setiap rakyat berhak menyuarakan pandangan, namun hak tersebut perlu diseimbangkan dengan tanggungjawab sosial. **Penyebaran maklumat palsu, ucapan kebencian (*hate speech*), provokasi perkauman dan keagamaan serta budaya komunikasi yang tidak beretika boleh menjejaskan kepercayaan sosial dan menggugat keharmonian masyarakat.**

13. Cabaran kedua ialah **pengaruh algoritma media sosial terhadap perpaduan.** Dalam era digital, **algoritma sering memaparkan kandungan yang selari dengan**

kecenderungan pengguna, sekali gus mewujudkan fenomena *filter bubble* dan *echo chamber*. Keadaan ini mengehendkan pendedahan kepada pandangan yang berbeza, mengukuhkan prasangka dan meningkatkan polarisasi dalam masyarakat.

14. Jika dahulu ancaman terhadap perpaduan banyak bersifat fizikal dan bersemuka, hari ini kita berhadapan dengan ancaman baharu dalam ruang digital.
15. Akibatnya, **ruang dialog yang sihat semakin mengecil manakala jurang persefahaman semakin melebar. Teknologi yang sepatutnya menghubungkan masyarakat tidak boleh dibiarkan menjadi pemangkin perpecahan.** Justeru, literasi digital, pemikiran kritis dan budaya dialog yang matang perlu terus diperkukuh bagi memastikan perpaduan kekal menjadi teras kehidupan bermasyarakat di Malaysia.
16. Malah, **media sosial turut dikenal pasti sebagai salah satu defisit sosial utama melalui Kajian Indeks Perpaduan Nasional.** Hakikat ini menunjukkan bahawa usaha memperkukuh perpaduan pada hari ini tidak lagi boleh tertumpu kepada ruang fizikal semata-mata, tetapi mesti merangkumi

ruang digital yang semakin membentuk pemikiran dan tingkah laku masyarakat.

17. Dalam konteks ini, saya juga dimaklumkan bahawa **KRPPM-KKA sedang membangunkan dokumen takrifan dan rangka piawaian berkaitan ucapan kebencian**. Kementerian Perpaduan Negara akan menyokong penuh terhadap usaha yang amat penting ini.
18. Keperluan ini semakin mendesak memandangkan sebanyak **1,493 kandungan berkaitan isu agama, raja dan kaum atau 3R telah diturunkan bagi tempoh 1 Januari 2025 hingga 31 Januari 2026 ini hasil pemantauan dan tindakan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia** bersama pengendali platform global.
19. Kita mesti mempertahankan kebebasan bersuara yang dijamin dalam masyarakat demokratik. Namun pada masa yang sama, **kebebasan tersebut perlu disertai tanggungjawab untuk tidak menyebarkan kebencian, permusuhan atau sentimen yang boleh menjejaskan keharmonian** antara kaum, agama dan komuniti.

PEMBINAAN NEGARA BANGSA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

20. Forum ketiga pada hari ini telah membincangkan **masa depan perpaduan menjelang Malaysia berusia seratus tahun**. Saya amat menghargai wacana ini kerana ia mengajak kita berfikir melangkaui cabaran semasa.

21. Usaha memperkukuh perpaduan negara bukanlah agenda baharu. Sejak penubuhan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) serta penggubalan Rukun Negara pada tahun 1970, pelbagai pendekatan telah dilaksanakan bagi mengurus kepelbagaian masyarakat Malaysia. Komitmen mengukuhkan perpaduan diteruskan melalui penggubalan **Dasar Perpaduan Negara**, gagasan **Perpaduan Dalam Kepelbagaian**, seterusnya **Harmoni Dalam Kepelbagaian**, dan kini melangkah ke tahap yang lebih tinggi iaitu **pembinaan Negara Bangsa sebagai matlamat jangka panjang perpaduan nasional**.

22. Selaras dengan aspirasi utama **Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)**, Kementerian Perpaduan Negara telah diberi **mandat untuk menerajui agenda pembinaan Negara Bangsa**. Dalam konteks ini, Negara Bangsa ditakrifkan sebagai

“sebuah negara berdaulat yang warganya memiliki identiti nasional serta berkongsi nilai sepunya berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara”.

23. Negara bangsa Negara bangsa amat penting untuk Malaysia pada masa kini kerana ia menjadi asas kepada P.U.S.H (*peace, unity, stability & harmony*) iaitu keamanan, perpaduan, kestabilan, dan keharmonian sebuah negara yang majmuk. Dalam realiti global yang semakin mencabar, melibatkan perbezaan ideologi, pengaruh media sosial, politik identiti serta tekanan globalisasi, **pembinaan negara bangsa berperanan menyatukan rakyat melalui perkongsian identiti nasional.**

24. Hakikatnya, Negara Bangsa bukanlah konsep baharu. Ia merupakan cita-cita yang telah diilhamkan sejak awal kemerdekaan. Para pengasas negara memahami bahawa Malaysia tidak boleh dibina atas asas kaum, agama atau wilayah semata-mata, tetapi perlu berteraskan kewarganegaraan, nilai bersama, kesetiaan kepada negara serta komitmen terhadap Perlembagaan dan Rukun Negara. Inilah asas yang terus menjadi panduan dalam memperkukuh perpaduan dan menjamin masa depan Malaysia.

25. Dalam mengurus isu isu perpaduan di negara ini Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil pelbagai langkah reformatif seperti :

I. **Sistem Rangkaian Aduan Komuniti Awam Nasional**

(RAKAN) – platform aduan rakyat

II. **Perkhidmatan mediasi oleh lebih 593 mediator komuniti dan penubuhan 9 Pusat Mediasi Komuniti**

III. **Menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Isu Perpaduan** yang terdiri daripada 12 agensi kerajaan

IV. **Mewujudkan Dashboard Analitik Perpaduan** bagi memantau sentimen dan isu perpaduan di lapangan

26. Selain itu, **Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)** kini sedang mengadakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak seperti pertubuhan masyarakat sivil, agensi kerajaan, pakar akademik, pemimpin masyarakat dan pelbagai pihak berkepentingan bagi mendapatkan pandangan awal berhubung keperluan cadangan tersebut penubuhan **Suruhanjaya Keharmonian Nasional (SKN)**.

27. Suruhanjaya ini dicadangkan sebagai mekanisme institusi yang menumpukan kepada pencegahan awal, mediasi dan

penyelesaian konflik secara harmoni serta konstruktif, di samping berperanan menyiasat isu yang menjejaskan keharmonian, mengemukakan syor kepada kerajaan dan memperkukuh usaha memelihara perpaduan negara.

28. Untuk makluman semua, JPNIN juga sedang membangunkan **Kajian Indeks Ketegangan Masyarakat** bagi mengukur tahap perpaduan serta memantau isu sensitiviti agama dan kaum di negara ini. Dapatan kajian ini akan menjadi rujukan strategik kerajaan dalam menangani isu sensitif dan memperkukuh keharmonian masyarakat majmuk.

PENUTUP

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

29. Saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada KRPPM Keharmonian Kaum dan Agama, Pejabat Yang di-Pertua Dewan Rakyat, dan semua peserta yang telah menjayakan Simposium Harmoni 2026 ini. Semoga segala perbincangan hari ini diterjemahkan menjadi tindakan yang dapat dirasakan oleh rakyat.

Sekian, terima kasih.